

Bahagian Perkhidmatan Pembaca & Rujukan
Perpustakaan Tun Abdul Razak
Institut Teknologi MARA
Shah Alam
Selangor.

PERUSAHAAN TRADISIONAL
BUMIPUTRA (KRAFTANGAN)
DI SELAYANG BARU DAN GOMBAK

338

Disertasi bagi memenuhi sebahagian dari syarat-syarat
penganugerahan Diploma Perancang Bandar Dan Wilayah,
Institusi Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor.

Oleh

KAMARIAH BT. YAHYA

DAN

RUSNAH BT. KHALID

Jabatan Perancang Bandar Dan Wilayah,
Kajian Senibena, Perancangan Dan Ukur,
Institusi Teknologi MARA, Shah Alam.

338.642
Kam

April, 1982

PENGHARGAAN

Sukacita kami mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kami kepada Encik Ahmad Zamri bin Kamaruddin diatas bimbingan dan panduan beliau sebagai penasihat disepanjang kajian ini dijalankan.

Penghargaan ini juga kami ucapkan kepada Encik Mahmon bin Abdullah penguasa dari Julia Batik, Encik Taib bin Othman, Pengusaha dari Perak TABA, dan Encik Ajla Ismail, pengusaha dari Tropical Cane yang telah memberi kerjasama untuk menjayakan kajian ini.

Ucapan terima kasih kami tujukan kepada Encik Taufik bin Ahmad, selaku Pegawai Pemasaran Kraftangan, di Perbadanan Kraftangan Malaysia. Tidak lupa ucapan juga kami tujukan kepada Encik Abdul Karim dari Muzium Negara Malaysia, serta Jabatan-jabatan yang telah memberikan maklumat untuk kajian ini.

Akhir sekali ucapan terima kasih ditujukan kepada mereka yang memberi kerjasama serta bantuan semasa kajian dijalankan. Serta kepada keluarga kami yang memberi galakkan serta peransang mereka terhadap kajian akhir ini.

BAB SATU - PENGENALAN

1.0 PENGENALAN

Galakkan serta sokongan yang diberikan oleh Kerajaan terhadap pengekalan dan perkembangan kraftang di-Negara Malaysia telah memberi satu tekad yang kuat bagi pengusaha-pengusaha tradisional bergiat dalam perusahaannya. Perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru dalam usaha Kerajaan untuk membasmi kemiskinan dan mengurangkan jurang perbezaan ekonomi, diantara kaum telah menyebabkan Kerajaan memberi perhatiannya yang penuh terhadap pengusaha tradisional kraftangan yang kebanyakan dari kaum Bumiputra sendiri.

Kenyataan ini dapat dibuktikan melalui penulisan Perdana Menteri kita Dato Seri Dr Mahadir Mohammad, dalam prakata sebuah buku bertajuk 'Living Craft Of Malaysia'. Diantara yang ditulis oleh beliau dalam prakat ini ialah memastikan supaya satu strategi baru perlu diadakan untuk memajukan pertukangan tangan pengusaha-pengusaha tradisional Malaysia dari segi ekonomi dan dengan tidak merosakkan nilai estetikanya didalam menempuh perkembangan hasil pertukangan tangan. Perhatian Kerajaan terhadap nasib depan pengusaha Bumiputra merupakan 'target' Kerajaan untuk memberi bantuan.

Kajian yang lebih mendalam berkenaan dengan kegiatan kraftangan perlu dipertingkatkan lagi untuk menjamin perkembangan ekonomi. Untuk mengukuhkan lagi tujuan

perindustrian Malaysia dan mengujudkan identiti Kebudayaan negara. Kraftangan tradisional yang telah diusahakan sejak turun temurun merupakan seni dalam pertukangan sebagai daya ekonomi.

Masyarakat yang berbilang bangsa seperti di Malaysia adalah faktor yang penting jika dibandingkan dengan negara di Asia sebagai pengeluar berbagai jenis kraftangan tradisional disamping kaya pula dengan bahan-bahan mentah, untuk mencipta keindahan kerjatangan yang tetap di pelupuki oleh Bumiputra di Malaysia.

'Ayer tangan' ciptaan tetap sama tetapi cara implementasi, pengelolaan dan perekonomian hasil dari kraftangan ini telah banyak berubah. Sejak Malaysia mencapai kemerdekaan kraftangan yang mempunyai nilai seni yang tinggi serta memberi keuntungan kepada yang mengusahakannya. Perusahaan ini yang selama ini 'hidup segan mati tak mahu' ini telah bercahaya semula diusahakan dengan lebih pesat dan dengan karya-karya yang lebih moden, telah membantu menegakkan kesenian, kebudayaan serta ekonomi negara.

1.1 MATLAMAT KAJIAN, OBJEKTIF DAN BIDANG KAJIAN

MATLAMAT KAJIAN.

Perusahaan kraftangan yang telah diamalkan sejak turun temurun lagi, giat dijalankan oleh pengusaha-pengusaha di Pantai timur. Kini perusahaan ini telah berkembang dan bertapak dengan pelahan dipinggir-pinggir bandaraya Kuala Lumpur. Pertumbuhan yang mempunyai kaitan dengan galakkan serta perhatian yang diberikan oleh kerajaan, pesatnya perusahaan pelancungan serta terdapat dipasaran yang luas disini. Dari kenyataan diatas satu kajian telah dijalankan untuk meninjau mengenai kegiatan-kegiatan perusahaan ini dikawasan kajian.

Matlamat kajian adalah untuk membuat satu tinjauan mengenai penglibatan Bumiputra dalam menjalankan perusahaan tradisional yang bertempat dipinggir Bandaraya Kuala Lumpur. Kajian juga akan dikaitkan dengan penyertaan Kerajaan serta agensi-agensinya didalam meajukan dan meninggikan prospek masa depan bagi perusahaan ini. Disini kajian akan mengkaji mengenai sumbangan-sumbangan yang telah diberikan oleh pengusaha ini terhadap sosio-ekonomi masyarakat tempatan.

1.2 OBJEKTIF KAJIAN

4.2.1 Mengkaji polisi Kerajaan serta agensi-agensi didalam mengekalkan dan mempertahankan-